

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI**  
**[ PASIR MAS ]**

**SOALAN NO. 36**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan setakat manakah pencapaian semasa Kerajaan di dalam memastikan 1 juta peluang pekerjaan diwujudkan dalam masa lima tahun sebagaimana hasrat Kerajaan Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada data secara suku tahunan bermula Mei 2018 sehingga Disember 2018 mengenai peluang pekerjaan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah sebanyak 243,000 peluang pekerjaan. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada jumlah guna tenaga pada suku pertama pada tahun 2019 berjumlah 15,010,200 berbanding jumlah guna tenaga pada suku kedua pada tahun 2018 berjumlah 14,767,200.

1. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), jumlah guna tenaga pada tahun 2020 dijangka akan mencecah 15,347,500. Ini merupakan peningkatan sebanyak 580,300 jumlah guna tenaga (anggaran 240,000 setahun) semenjak Kerajaan memerintah pada suku kedua pada tahun 2018.

## SOALAN NO: 36

2. Sehubungan itu, ini menunjukkan Kerajaan mampu menghasilkan peluang pekerjaan dalam anggaran 200,000 setahun. Dengan jumlah anggaran tersebut, Kerajaan menjangka dapat menghasilkan 1 juta peluang pekerjaan dalam masa 5 tahun.

3. Cabaran Kerajaan dalam penyediaan 1 juta pekerjaan adalah untuk meningkatkan kualiti pekerjaan dan kadar kemahiran guna tenaga mahir daripada guna tenaga separuh mahir. Bagi mencapai tujuan ini, langkah-langkah berikut sedang dijalankan oleh Kerajaan:

- (i) Kerajaan perlu menarik lebih banyak *foreign direct investment* (FDI) atau *domestic direct investment* (DDI) yang menyumbangkan terhadap penghasilan *high value jobs* dan *knowledge worker* (*k-worker*). Oleh yang demikian, negara perlu bersifat selektif dalam menarik pelaburan dengan tidak lagi menarik pelaburan yang berintensif buruh (*labour intensive*) dan bergaji rendah (*Low Paying Jobs*). Penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value jobs* dan *k-worker* adalah amat wajar kerana kadar upah yang tinggi dinikmati oleh golongan ini antara penyumbang terbesar dalam peningkatan peratusan kadar upah daripada KDNK seperti yang dinikmati negara maju;
- (ii) Menggalakkan latihan-latihan bersifat *internship* di kalangan majikan bagi membolehkan lebih ramai pencari kerja tempatan diserap dalam pekerjaan dan SLDN;
- (iii) Menambah nilai kerja melalui inovasi dan kreativiti dengan memperbanyakkan elemen automasi yang berteknologi tinggi bagi meningkatkan lagi peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk pencari kerja berkemahiran; dan

## SOALAN NO: 36

- (iv) Mengambil langkah-langkah yang sesuai dengan kerjasama industri untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing yang bergaji rendah.

4. Bagi menyokong usaha-usaha di atas, Kerajaan harus menyediakan pekerja-pekerja berkemahiran yang memenuhi keperluan industri. Sehubungan itu, beberapa langkah sedang diambil oleh Kementerian antaranya;

- (i) program *upskilling* dan *reskilling* disediakan kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemahiran mereka bagi menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik. Program *upskilling* dan *reskilling* dijalankan secara berterusan supaya kemahiran yang diperoleh sentiasa bersesuaian dengan keperluan industri semasa;
- (ii) Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), telah membangunkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bagi 21 sektor ekonomi yang mana telah menjadi rujukan dalam pembangunan program latihan di institusi-institusi latihan awam dan swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan. NOSS yang dibangunkan dan dipantau secara bersama dengan *Industry Lead Body* (ILB) adalah mengikut keperluan industri dan teknologi terkini;
- (iii) Memperluaskan akses kepada warganegara untuk mendapat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat lima ratus enam puluh dua (562) buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut

## SOALAN NO: 36

keperluan industri (sumber: Statistik Pekerjaan dan Perburuhan Siri 19 Bil.1/2019);

- (iv) KSM juga sedang merangka satu kajian berkaitan Pelan Induk TVET yang merangkumi aspek permintaan dan penawaran TVET serta pemeraksanaan TVET dalam melahirkan pekerja berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri terkini seperti Industri 4.0, automasi, digitalisasi dan sebagainya. Dalam aspek pemeraksanaan TVET, kajian ini akan menyentuh aspek penstrukturan semula kurikulum, menaik taraf fasiliti dan kemudahan latihan, pembangunan profesional tenaga pengajar serta perkara-perkara lain yang berkaitan; dan
- (v) KSM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi bersama bagi menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan Bakat (TWG-S) *Industry 4WRD*. Jawatankuasa ini berperanan mengenal pasti keperluan pasaran buruh dan kemahiran yang diperlukan serta menyelaraskan dan melaksanakan usaha-usaha dalam memperkukuhkan kompetensi sumber manusia bagi menghadapi Industri 4.0. Usaha ini dapat dilakukan melalui program *upskilling* dan *reskilling* yang disediakan kepada golongan pelajar kemahiran dan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik.

5. Kesimpulannya, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mewujudkan pekerjaan-pekerjaan yang berkualiti dan menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran untuk memenuhi keperluan tersebut.